



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

**DOKUMEN SEBUT HARGA
(JILID 1/2)**

BAGI

**KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMBAIKAN, PENYELENGGARAAN
DAN PEMBEKALAN ALAT GANTI KENDERAAN MAJLIS BAGI TAHUN
2025 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (PANEL C).**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/482
TARIKH BUKA	13 SEPTEMBER 2024
TARIKH TUTUP	27 SEPTEMBER 2024
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

www.mbsj.gov.my

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/482

KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMBAIKAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMBEKALAN ALAT GANTI KENDERAAN MAJLIS BAGI TAHUN 2025 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (PANEL C).

ISII KANDUNGAN		
BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS 1 – SS 4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP1-SAP2
C	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 - AKP 12
D	BORANG SEBUT HARGA	BS 1 – BS 2
E	<i>PREAMBLES</i>	P 1 – P 2
F	JADUAL KADAR HARGA	JKH/SUM/1/1 – JKH/AQ/1/1
G	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 – MP 12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen sebut harga kami semasa mengemukakan sebut harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang disebut harga semasa penilaian sebut harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang disebut harga. justeru itu sebut harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada Jawatankuasa Sebut Harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang disebut harga, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum sebut harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **sebut harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

Dokumen Meja Terkawal

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
8	Petender dikehendaki mengisytiharkan bukti pendaftaran di bawah Seksyen 21 Akta Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (CJCP). (sekiranya berdaftar)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Mengasingkan dokumen Sebut harga berkaitan Kewangan (Jilid 1/2) dan Teknikal (Jilid 2/2) dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan digam kemas dan dimasukkan dalam satu (1) sampul surat lain yang lebih besar. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) _____ _____	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	ii) _____ _____	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	

* Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA - LAMPIRAN 6

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMBAIKAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMBEKALAN ALAT GANTI KENDERAAN MAJLIS BAGI TAHUN 2025 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (PANEL C).

MBSJ.KUB.400-5/6/482

Saya,(Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan yang mewakili (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana- mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1. Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2. Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

ARAHAN KEPADA PETENDER



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI :

KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMBAIKAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMBEKALAN ALAT GANTI KENDERAAN MAJLIS BAGI TAHUN 2025 UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (PANEL C)

Kepada :

Datuk Bandar,

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

1. Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan jadual kadar harga, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan bekalan-bekalan / perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan tawaran harga diskaun yang ditawarkan sepertimana di bawah dan / atau Penentuan Perkhidmatan tersebut. Yang bertandatangan di bawah ini mengemukakan tawaran melaksanakan kerja-kerja ini dengan kadar tawaran diskaun sebanyak*.....% (dengan perkataan :

.....) peratus daripada kadar harga sepertimana di dalam Jadual Kadar Harga di dalam dokumen sebut harga ini :

Nota: *.....Isikan kepada dua titik perpuluhan (Cth: 15.50)

2. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan bahawa tawaran diskaun tersebut akan digunakan untuk kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga bagi menghasilkan Jumlah Bayaran yang akan dibuat terhadap sesuatu pesanan/arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa.

3. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa nilai anggaran kerja keseluruhan perolehan ini adalah dijangka dalam lingkungan **RM 25,000.00 sebulan** dan tertakluk kepada setiap arahan kerja yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa di mana dan apabila perlu dijalankan.

4. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa Jumlah Harga Kumulatif bagi keseluruhan tempoh kontrak ini berkuatkuasa selama **satu (1) tahun** tertakluk kepada kelulusan Pihak Majlis seperti di para 3 di atas adalah sebanyak **RM300,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Ribu Sahaja)** melainkan terdapat apa-apa arahan tambahan dari Pegawai Penguasa yang disifatkannya sesuai.

5. Saya/Kami bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian dalam tempoh empat belas (14) hari sekiranya sebut harga ini diterima dan bersetuju dengan apa-apa syarat sebut harga yang ditetapkan secara bertulis serta bersetuju menyerahkan **Bon Pelaksanaan** dan ia hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk samada :

a) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad(BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau

b) Jaminan Syarikat Kewangan atau

c) Jaminan Insurans/Takaful

6. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujui atau menolak Sebut harga ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada Sebut harga-sebut harga yang lain, atau sama tawaran harga diskaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janji lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

7. Saya/Kami juga maklum bahawa akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ seperti dinyatakan di dalam perkara 20.0 Arahan Kepada Petender.

8. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa sebut harga ini akan ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini bagi membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor Kerajaan, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada haribulan 2024.

.....
(Tandatangan Petender)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

.....

No. Telefon :

Tarikh :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

.....

No. Telefon :

Tarikh :

.....
(Meterai atau Cap Petender)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

PREAMBLES

PREAMBLES

1.0 NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN

- 1.1 Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan Jadual Kadar Harga yang diterangkan di dalamnya.
- 1.2 Petender adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami semua kandungan dokumen Sebut Harga ini termasuk semua keterangan di dalam *Preambles*, Jadual Kadar Harga dan Penentuan Bekalan / Perkhidmatan. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua perkhidmatan yang dinyatakan mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan.
- 1.3 Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau Wakil Pegawai Penguasa sekiranya terdapat permasalahan di tapak.
- 1.4 Dengan menandatangani dokumen ini, pihak kontraktor telah mengesahkan bahawa pihaknya telah pun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini.
- 1.5 Kontraktor hendaklah menyediakan Perlindungan Takaful / Insurans Tanggungan Awam (*Contractor All Risk*) sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 22 dalam Arahan Kepada Petender).
- 1.6 Kontraktor hendaklah menyediakan Menyediakan Bon Perlaksanaan (*Performance Bond*) dalam bentuk Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).

2.0 BAYARAN FI PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN

- 2.1 Petender akan menanggung Fi Penyediaan Dokumen Perjanjian sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada Perkara 20.0 dalam Arahan Kepada Petender.

3.0 LAIN-LAIN PENENTUAN BIDANG PERKHIDMATAN

- 3.1 Kerja-kerja akan dibuat oleh pihak panel adalah mengikut kenderaan dan skop kerja seperti yang diarahkan di dalam arahan kerja (Borang Aduan Kerosakan).
- 3.2 Petender yang berjaya adalah dikehendaki untuk bersedia untuk mengambil kenderaan yang dimohon di dalam tempoh 2 hari bekerja dan kerja-kerja yang akan dilaksanakan adalah mengikut kenderaan dan skop kerja yang telah ditetapkan.
- 3.3 Pihak panel diminta membayar ganti rugi / menggantikan balik sebarang harta benda / peralatan Majlis yang dilapor / didapati hilang selepas laporan pengesahan dibuat oleh wakil Majlis / Pegawai yang bertanggungjawab.
- 3.4 Lain-lain tanggungjawab di dalam melaksanakan Perkhidmatan ini serta makluman kepada Petender adalah seperti di Penentuan Perkhidmatan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

JADUAL KADAR HARGA



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

MAKLUMAT PETENDER